

TINGKAH LAKU BELIA MALAYSIA TERHADAP PENGAWASAN DAN PENAPISAN SIBER KERAJAAN

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

APRINA OSKAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



TINGKAH LAKU BELIA MALAYSIA TERHADAP PENGAWASAN DAN
PENAPISAN SIBER KERAJAAN

APRINA OSKAR



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)



FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



UPSI/PS-001032
Print : 00 mhs: 1/1Sila tandai (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁴ [hari/bulan] MEI.... (bulan) 20....24....

i. Perakuan pelajar:

Saya, APRINA BINTI OSKAR, M20202001233, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TINGKAH LAKU BELIA MALAYSIA TERHADAP PENGAWASAN DAN PENAPISAN SIBER KERAJAAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr Norhafiza Mohd Hed (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Tingkah Laku Belia Malaysia terhadap Pengawasan dan Penapisan Siber Kerajaan

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN MALAYSIA) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

7 June 2024

Tarikh



Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: TINGKAH LAKU BELIA MALAYSIA TERHADAP PENGAWASAN DAN
PENAPISAN SIBER KERAJAAN

No. Matrik / Matric's No.: M20202001233

Saya / I: APRINA BINTI OSKAR

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)Tarikh: 7 June 2024

Dr. Norhafiza Mohd Hed
Pensyarah
Jab. Peng. Kemasyarakatan &
Kewarganegaraan
Fakulti Sains Kemanusiaan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

“For with God nothing will be impossible”
(Luke 1:37)

Syukur, Puji Tuhan disertasi ini berjaya disiapkan. Penyelidikan ini banyak mendapat bantuan daripada individu-individu hebat yang memberikan pelbagai bentuk sokongan. Pertama sekali, ribuan terima kasih kepada bapa dan mama, Encik Oskar Olah dan Puan Monika Peni atas sokongan yang diberikan dalam menyempurnakan perjalanan sarjana ini. Terima kasih juga kepada pensyarah penyelia, Dr Norhafiza Mohd Hed yang banyak memberikan bantuan, tunjuk ajar dan sokongan moral sepanjang tempoh pengajian dan menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada Geran FRGS yang membantu dari aspek kewangan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Kepada diri sendiri, terima kasih selalu kuat, terima kasih selalu bangun dan terus bangkit. Beban memang berat tapi akhirnya pasti manis. Semoga pada masa akan datang, anak anak saya turut mempunyai semangat mengejar pendidikan. Sentiasalah menjadi manusia yang sentiasa bersyukur dalam apa jua keadaan. Semoga Tuhan memberkati semua.

“Apa yang kita tabur, Itu yang kita tuai”





ABSTRAK

Keselamatan siber telah menjadi komponen penting dalam strategi pertahanan banyak negara termasuk Malaysia. Salah satu mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk memastikan keselamatan siber ialah dengan meningkatkan pengawasan dan penapisan internet. Namun, usaha ini sebenarnya mewujudkan ketegangan antara masyarakat dengan kerajaan apabila tindakan ini dilihat seperti menceroboh hak privasi individu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber, faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku ini dan mekanisme penyelesaian bagi memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber. Kajian ini menggunakan kaedah campuran menerusi soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada 385 belia Selangor dan temu bual bersama dengan aktivis politik dan pakar bidang. Data kuantitatif mendapati bahawa tingkah laku belia Malaysia pada tahap sederhana (min: 2.20, s.p: 0.27) di mana terdapat belia Malaysia yang pro-pengawasan, dan ada juga yang pro kepada privasi individu. Data kualitatif menunjukkan kebanyakan belia yang pro-privasi ini adalah dalam kalangan aktivis belia. Ini kerana tindakan pengawasan dan penapisan siber yang dilakukan kerajaan mencabuli hak kebebasan bersuara dan dilaksanakan bertujuan untuk mengekalkan kuasa politik sahaja. Tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber ini didorongi oleh faktor pendidikan (min: 2.75; s.p: 0.54), peranan media (min: 2.75; s.p: 0.51) dan pengaruh keluarga (min: 2.62; s.p: 0.66). Mekanisme penyelesaian dalam memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber ialah melalui peranan guru dengan memfokuskan kepada silibus keselamatan siber kepada pelajar (min: 2.89; s.p: 0.33) dan peranan media masa dalam memberi maklumat berkaitan isu ini kepada masyarakat (min: 2.89; s.p: 0.33). Kajian ini memberi impak kepada kerajaan dalam menyediakan kerangka mekanisme untuk memperbaiki tingkah laku masyarakat, terutamanya belia terhadap pengawasan dan penapisan siber.



THE BEHAVIOUR OF MALAYSIAN YOUTH TOWARDS GOVERNMENT'S CYBER SURVEILLANCE AND CENSORSHIP

ABSTRACT

Cyber security has become an important component in the defense strategy of many countries including Malaysia. One of the mechanisms used by the government to ensure cyber security is to increase internet surveillance and censorship. However, this effort actually creates tension between the community and the government when this action is seen as an invasion of individual privacy rights. Therefore, this study aims to identify the behavior of Malaysian youth towards cyber surveillance and censorship, examines the factors that influence this behavior and the mechanism to ensure the behavior of Malaysian youth is positive towards cyber surveillance and censorship. This study uses a mixed method through questionnaires distributed randomly to 385 Selangor youth and joint interviews with political activists and field experts. Quantitative data show that the behavior of Malaysian youth is moderate (mean: 2.20, s.p: 0.27) where there are Malaysian youth who are pro-surveillance, and some are also pro to individual privacy. Qualitative data show that most of the youth who are pro-privacy are among youth activists. This is because the act of surveillance and cyber censorship carried out by the government violates the right to freedom of speech and is carried out with the aim of maintaining political power only. The behavior of youth towards cyber surveillance and censorship is driven by educational factors (mean: 2.75; s.p: 0.54), the role of the media (mean : 2.75; s.p: 0.51) and family influence (mean: 2.62; s.p: 0.66). The solution mechanism in ensuring the behavior of Malaysian youth is positive towards cyber surveillance and censorship is through the role of the teacher by focusing on the cyber security syllabus for students (mean: 2.89; p.p: 0.33) and the role of the media in providing information related to this issue to the community (mean : 2.89: s.p.: 0.33). This study has an impact on the government in providing a mechanism framework to improve the behavior of the community, mainly the youth towards cyber surveillance and censorship.



ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	15
1.3 Persoalan Kajian	24
1.4 Objektif kajian	25
1.5 Skop kajian	25
1.6 Kepentingan kajian	31
1.6.1 Kepentingan kepada Penyelidikan	31
1.6.2 Kepentingan kepada Masyarakat	32
1.6.3 Kepentingan kepada Ahli Akademik	32
1.6.4 Kepentingan kepada Negara	33
1.6.5 Kepentingan kepada Golongan Belia	33
1.6.6 Kepentingan kepada Metodologi Kajian	33



1.7	Definisi Operasional	34
1.7.1	Belia	34
1.7.2	Tingkah Laku	35
1.7.3	Media Siber	35
1.7.4	Pengawasan Siber	36
1.7.5	Penapisan Siber	38
1.7.6	Keselamatan Siber	39
1.8	Organisasi bab	42

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	44
2.2	Pengawasan dan Penapisan Siber di Negara Demokrasi Liberal	45
2.3	Pengawasan dan Penapisan Siber di Negara Bukan Demokrasi Liberal	54
2.4	Pengawasan dan Penapisan Siber di Malaysia	67
2.5	Kerangka Teoretikal	78
2.5.2	Konsep Penindasan Negara (State Repression)	83
2.5.3	Model KAP (Knowledge, Attitude and Practise)	87
2.6	Kerangka Kajian	89
2.7	Kesimpulan	90

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	92
3.2	Reka Bentuk Kajian	93
3.3	Fasa 1: Kaedah Kuantitatif	102
3.3.1	Kajian Tinjauan	103
3.3.2	Instrumen Kajian: Soal Selidik	103
3.3.3	Populasi dan Persampelan	107
3.3.4	Kajian Rintis	110

3.3.5	Kaedah Analisis Data	114
3.3.5.1	Analisis deskriptif	116
3.3.5.2	Analisis Inferens	117
3.4	Fasa 2: Kaedah Kualitatif	118
3.4.1	Kajian Kes	120
3.4.2	Instrumen Kajian: Temu Bual Semi Struktur	122
3.4.1	Populasi dan Persampelan	126
3.4.2	Prosedur Pengumpulan Data Temu Bual	130
3.4.3	Kaedah Analisis Data	135
3.5	Kesahan dan kebolehpercayaan	139
3.6	Kesimpulan	140

BAB 4 DAPATAN KAJIAN KUANTITATIF

4.1	Pengenalan	142
4.2	Taburan demografi	146
4.3	Tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber	149
4.3.1	Min keseluruhan	150
4.3.2	Analisis tingkah laku belia Malaysia terhadap Pengawasan dan Penapisan Siber berdasarkan jantina	157
4.3.3	Analisis ANOVA berkaitan tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan tahap pendidikan	161
4.3.4	Analisis ANOVA berkaitan tingkah laku belia Malaysia terhadap Pengawasan dan Penapisan Siber berdasarkan Status Ekonomi	166
4.3.5	Analisis Ujian-T berkaitan tingkah laku belia Malaysia terhadap Pengawasan dan Penapisan Siber berdasarkan Bandar-Luar Bandar	170
4.4	Faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber	173
4.4.1	Min keseluruhan	175

4.5	Mekanisme penyelesaian bagi memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber	179
4.5.1	Min keseluruhan	179
4.6	Kesimpulan	183

BAB 5 ANALISIS DATA KUALITATIF

5.1	Pengenalan	186
5.2	Sudut Pandang Pelaksana Dasar/ Pegawai Kerajaan	188
5.3	Sudut pandang aktivis Politik Malaysia	193
5.3.1	Pandangan umum aktivis berkaitan pengawasan dan penapisan siber	193
5.3.2	Faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber	202
5.3.3	Mekanisme penyelesaian bagi memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber	207
5.4	Sudut Pandang Belia Malaysia	214
5.4.1	Pandangan umum belia berkaitan pengawasan dan penapisan siber	214
5.4.2	Faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber	219
5.4.3	Mekanisme penyelesaian bagi memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber.	222
5.5	Perbandingan pandangan aktivis dan belia	226
5.6	Kesimpulan	227

BAB 6 RUMUSAN

6.1	Pengenalan	230
6.2	Tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber	230
6.3	Faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber	240

6.4	Mekanisme penyelesaian bagi memastikan tingkah laku belia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan	243
6.5	Aplikasi teori	251
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	254
RUJUKAN		256

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Sampel mengikut daerah di Selangor	109
3.2	Pekali Cronbach Alpha berserta dengan Petunjuk	113
3.3	Nilai Pekali Cronbach Alpha Mengikut Bahagian	113
3.4	Pengujian Statistik bagi Menjawab Persoalan Kajian	115
3.5	Intrepretasi Skor Min	116
4.1	Taburan demografi responden	146
4.2	Min keseluruhan bagi tingkah laku belia Malaysia terhadap 150 pengawasan dan penapisan siber	
4.3	Analisis Ujian T berkaitan tingkah laku belia Malaysia 158 terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan jantina	
4.4	Analisis ANOVA berkaitan tingkah laku belia Malaysia 162 terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan tahap pendidikan	
4.5	Analisis ANOVA berkaitan tingkah laku belia Malaysia 166 terhadap pengawasan dan penapisan siber berdasarkan status ekonomi	
4.6	Analisis T-test berkaitan tingkah laku belia Malaysia terhadap 170 pengawasan dan penapisan siber berdasarkan Kawasan Bandar dan Luar Bandar	
4.7	Min keseluruhan bagi faktor-faktor yang mempengaruhi 175 tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber	
4.8	Min keseluruhan bagi mekanisme penyelesaian bagi 180 memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber	



SENARAI RAJAH

No.Rajah		Muka Surat
1.1	Peta Selangor (Sumber: Google)	28
2.1	Model KAP	87
2.2	Kerangka Teori Kajian	89
3.1	Reka Bentuk Kaedah Campuran	100
4.1	Q-Q Plot tingkah laku belia terhadap pengawasan dan 144 penapisan siber	
4.2	Q-Q Plot faktor-faktor yang mempengaruhi belia terhadap 144 pengawasan dan penapisan siber	
6.1	Model Mekanisme untuk Memperbaiki Tingkah Laku Belia 244 Malaysia terhadap Pengawasan dan Penapisan Siber Kerajaan	
6.2	Analisis Kerangka Kajian bagi belia biasa di Malaysia	251
6.3	Analisis kerangka kajian bagi aktivis	252

SENARAI SINGKATAN

AS	Amerika Syarikat
ASEAN	The Association of Southeast Asian Nations
AUKU	Akta Universiti dan Kolej
BERSIH	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil
CCTV	Closed-circuit Television
CMA	Akta Komunikasi dan Multimedia
GST	Goods and Services Tax
HSR	Himpunan Solidariti Rakyat
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
ISA	Akta Keselamatan Dalam Negeri
IR4	Fourth Industrial Revolution
KAP	Model (Knowledge, Attitude and Practise)
NIRT	National Iranian Radio and Television
SOSMA	Akta Kesalahan Keselamatan langkah-langkah Khas
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
UDHR	Universal Declaration of Human Rights
UMNO	United Malays National Organisation
UK	United Kingdom

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keselamatan siber telah menjadi komponen yang dilihat penting dalam strategi pertahanan banyak negara termasuklah negara Malaysia. Salah satu mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk memastikan keselamatan siber adalah dengan meningkatkan pengawasan dan penapisan siber iaitu dengan cara menyekat laman sesawang kritikal dan mengenakan penalti jenayah terhadap mereka yang mengganggu atau memberi ancaman kepada pengguna lain dalam talian. Menurut Shukla dan Moosavi (2013), penapisan siber boleh ditakrifkan sebagai sebuah kawalan atau penindasan dari apa yang boleh diakses, dilihat dan diterbitkan di internet. Kebiasaannya ianya dilakukan oleh kerajaan, tetapi terdapat juga penapisan siber yang dilakukan oleh organisasi swasta atau individu tertentu demi memelihara agama, moral dan kepentingan perniagaan. Namun, tesis ini hanya memfokuskan kepada penapisan

siber yang dilakukan oleh kerajaan.

Penapisan siber ini meliputi isu-isu seperti hak cipta, fitnah, gangguan atau buli siber, dan pornografi. Manakala, pengawasan siber pula merujuk kepada pemerhatian yang lebih berfokus, sistematik dan rutin ke atas maklumat peribadi secara maya untuk tujuan ingin meningkatkan pengaruh, pengurusan, perlindungan atau pengesanan (Lyon, 2007). Terdapat beberapa komponen yang diperhatikan dalam sistem pengawasan yang terdiri daripada entiti, tingkah laku, ciri-ciri dan identiti (Wang & Tucker, 2017). Walaupun tiada sempadan dalam dunia maya, namun pengguna internet masih tertakluk kepada bidang kuasa dan undang-undang negara di mana mereka berada (Mohamad Adnan & Siti Zobidah, 2019). Pengawasan dan penapisan siber ini dikuatkuasakan mengikut negara masing-masing. Misalnya, di Malaysia, kerajaan bertindak untuk menggubal akta-akta seperti Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Keselamatan dalam Negeri 1960¹ yang bertujuan untuk menjaga keselamatan siber dan menjaga keharmonian masyarakat.

Namun, langkah ini sebenarnya mewujudkan kontroversi dan ketegangan antara masyarakat dengan kerajaan apabila tindakan-tindakan ini dilihat seperti mencerooboh hak privasi individu (Watson & Wright, 2013). Namun, dalam masa yang sama, akta-

¹ Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) kini digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan langkah- langkah Khas (SOSMA) 2012. SOSMA memperuntukkan langkah khas berhubungan dengan kesalahan keselamatan yang bertujuan untuk mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Perkara yang di anggap ancaman di bawah SOSMA ialah menyebabkan keganasan terancang terhadap orang atau harta, atau menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan keganasan. Selain itu, mana-mana individu yang memudaratkan ketenteraman awam di dalam persekutuan atau mana-mana bahagiannya turut dianggap ancaman di bawah SOSMA.



akta ini adalah penting bagi melindungi dan mengatasi sebarang ancaman terhadap keselamatan nasional dan kepentingan awam. Banyak negara, sama ada negara demokrasi atau bukan demokrasi, bertindak untuk melakukan pengawasan dan penapisan siber bagi tujuan mengekalkan keamanan negara. Misalnya, negara demokrasi liberal seperti United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) yang menjamin kebebasan awam seperti kebebasan bersuara dan hak asasi manusia turut bertindak membuat sekatan dan larangan terhadap perbezaan pendapat dengan taktik kawalan termasuk undang-undang 'anti-keganasan', pengawasan dan penapisan. Sebagai contoh, pada tahun 2015, Perdana Menteri UK, David Cameron mengumumkan secara terbuka tentang usahanya untuk melarang semua jenis komunikasi yang tidak boleh diakses oleh agensi kerajaan. Kawalan yang dilakukan oleh kerajaan dilihat sebagai satu tindakan yang menyekat kebebasan rakyat. Selain UK dan US, negara bukan demokratik seperti Iran juga banyak membuat sekatan dan penapisan terhadap media.

Menurut Yahya (2017), semua stesen televisyen di Iran seperti National Iranian Radio and Television (NRIT) dan akhbar seperti Ham-Mihan tertakluk kepada polisi yang ditetapkan oleh kerajaan. Stesen media dan agen komunikasi dilarang oleh kerajaan untuk membuat sebarang liputan atau menyampaikan maklumat yang bertentangan dengan kerajaan. Sekatan ini bagi mengelak sebarang isu yang buruk antara kerajaan dan rakyat. Buktinya, terdapat empat wartawan iaitu Afarin Chitsaz, Ehsan Mazandarani, Saman Safarzai dan Davud Asadi yang telah dijatuhkan hukuman penjara 21 hari. Mahkamah Tehran telah memutuskan kesemua mereka bersalah kerana bertindak memburukkan pemerintahan Presiden Hassan Rouhani dalam saluran NIRT





(Yahya, 2017). Perkara ini dilihat sebagai satu usaha untuk mengekalkan kuasa pemerintah dan menyekat suara rakyat. Kesannya, rakyat dilihat mula takut untuk menyuarakan pandangan atau membuat sebarang kritikan terhadap kerajaan.

Jika dilihat, pengawasan dan penapisan ke atas media sebenarnya telah lama dipraktikkan di Malaysia dengan wujudnya pelbagai akta sebagai mekanisme hukuman untuk rakyat yang melanggar sebarang undang-undang. Contohnya, penjajah British pada sekitar tahun 1950-an juga telah melakukan sekatan terhadap kebebasan media seperti surat khabar yang diharamkan penerbitannya (Yahya, 2017). Pada era sebelum merdeka, protes politik daripada golongan buruh dan parti politik berhaluan kanan serta kiri mula berkembang. Kebangkitan protes ini dilihat mengakibatkan pihak pemerintah terpaksa mengenakan sekatan dan pengawasan kepada masyarakat, khususnya golongan berpotensi tinggi untuk melakukan protes atau demonstrasi. Bukan sahaja surat khabar, namun rencana yang diterbitkan oleh pemimpin-pemimpin kiri atau radikal pada ketika itu juga turut disekat. Sekatan ini turut dilakukan selepas mencapai kemerdekaan demi menjaga keselamatan negara, hubungan baik dengan negara jiran dan keharmonian masyarakat majmuk.

Namun, tragedi perkauman 1969 dilihat sebagai *turning point* yang telah mengubah struktur dan landskap politik Malaysia daripada demokrasi liberal kepada demokrasi yang lebih terkawal. Oleh itu, ramai para sarjana seperti Zakaria Ahmad (1989), Crouch (1996) dan Case (2002) melabelkan Malaysia sebagai negara quasi-demokrasi, semi-demokrasi, demokrasi hibrid atau demokrasi autoritarian di mana pilihan raya yang kompetitif dilaksanakan secara berkala, namun kerajaan memperketatkan kawalan terhadap kebebasan politik dan bersuara di Malaysia.



Meskipun terdapat peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 10 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan yang memberikan hak kebebasan bersuara dan menyatakan fikiran setiap warganegara Malaysia, namun, Perkara 10 (1) (a) juga menyatakan bahawa Parlimen boleh mengenakan sebarang sekatan demi untuk menjaga keharmonian negara. Maka, bagi memperkukuhkan integrasi nasional, kerajaan terpaksa membataskan ruang kebebasan berpolitik masyarakat dengan meminda beberapa undang-undang drakonian seperti Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Keselamatan dalam Negeri 1960 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti atau AUKU 1971.²

Walaupun Malaysia mengiktiraf Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948, namun menurut Apandi (2016), kes *Merdeka University Berhad v Government of Malaysia (1981) 2 MLJ 356* telah diputuskan bahawa UDHR 1948 merupakan pengisytiharan prinsip semata-mata dan tidak boleh dianggap menjadi sebahagian daripada undang-undang negara Malaysia secara keseluruhan. Prinsip kebebasan bersuara mutlak dilihat tidak sesuai dengan acuan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Maka, UDHR 1948 tidak boleh digunakan secara mutlak dan perlu diubah suai sewajarnya mengikut acuan Malaysia.

²Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta 30, (AUKU 1971) telah diwartakan pada 29 April 1971 dan mula dikuatkuasa pada 30 April 1971. Tujuan AUKU diwujudkan adalah untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan, penyelenggaraan dan pentadbiran universiti-universiti dan kolej-kolej. Semasa pindaan yang terkini iaitu AUKU (Pindaan) 2019, Menteri Pendidikan pada waktu tersebut, Yang Berhormat Dr Mazlee Malik, telah memansuhkan Seksyen 15(2)(c) yang merujuk kepada halangan untuk pelajar universiti terlibat dalam aktiviti politik di dalam kampus.

Perubahan struktur politik ini membataskan penglibatan politik masyarakat, tetapi tidak menghalang gerakan mahasiswa untuk meneruskan perjuangan membela hak dan keadilan sosial masyarakat. Malah, mereka semakin rancak mengatur kegiatan, tunjuk perasaan dan bantahan terhadap isu-isu yang berlaku dalam masyarakat. Misalnya, Demonstrasi Tasik Utara³ yang berlaku di Johor pada September 1974 dan Perarakan Kelaparan Baling⁴ pada tahun yang sama. Rentetan daripada berlakunya beberapa siri demonstrasi mahasiswa ini, kerajaan mengambil langkah tegas dengan meminda beberapa seksyen dalam AUKU. Pindaan tersebut telah berkuatkuasa mulai 12 Mei 1975. Melalui pindaan ini, mahasiswa dilarang untuk memegang jawatan dalam parti politik dan kesatuan sekerja.

Pengawasan dan penapisan media dilihat semakin rancak khususnya semasa pemerintahan Mahathir pada tahun 1980-an sehingga awal 2000-an. Mahathir percaya bahawa undang-undang perlu dilaksanakan secara adil dan perlu disesuaikan dengan keadaan sesebuah masyarakat (Anuar, 2017). Oleh itu, Mahathir masih mengekalkan

³ Demonstrasi Tasik Utara berlaku kerana kegagalan kerajaan untuk membela hak dan kebajikan orang Melayu. Kerajaan telah berjanji untuk memberikan hak ke atas tanah di Tasik Utara, Johor kepada penduduk kampung jika mereka mengundi UMNO pada PRU 1974. Namun demikian, kerajaan bertindak melanggar janji tersebut dan membiarkan Majlis Perbandaran Johor merobohkan penempatan di Tasik Utara tanpa memberikan sebarang pampasan atau tapak perumahan sebagai ganti (Norhafiza, 2018). Oleh itu, gerakan mahasiswa seperti Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) yang diketuai oleh Hishamuddin Rais mengadakan demonstrasi di hadapan pejabat Menteri Besar Johor.

⁴ Demonstrasi Baling merupakan kebangkitan besar-besaran mahasiswa pascamerdeka yang menyatakan pandangan dan bantahan tentang apa yang berlaku dalam negara ketika itu. Menurut Mohd Saifullah (2012), gerakan tersebut merupakan gerakan terbesar yang melibatkan hampir 10,000 orang mahasiswa. hampir 2,000 orang mahasiswa ditangkap dan ditahan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Demonstrasi ini adalah satu protes untuk memperjuangkan golongan petani miskin di Baling yang terjejas akibat kejatuhan harga getah. Pemindahan AUKU adalah antara kesan daripada Demonstrasi Baling di mana AUKU semakin diperketatkan dengan melarang mahasiswa untuk melibatkan diri dalam politik. Datuk Seri Anwar Ibrahim yang ketika itu merupakan presiden ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) telah ditahan selama dua tahun di bawah ISA dan juga pemimpin lain seperti Ibrahim Ali dan Idris Sanusi.



akta-akta seperti Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan semasa pemerintahannya yang bertujuan untuk mengekalkan kestabilan politik negara. Pemerintahan Mahathir dilihat sebagai satu pemerintahan yang bersifat autokratik (Hilley, 2008). Sekatan dan kawalan ke atas media massa dilihat sangat berleluasa dalam politik negara ketika itu.

Menurut Anuar (2017), kerajaan menggunakan akta-akta sebagai mekanisme untuk mengawal berita dan maklumat sebenar agar keterbukaan maklumat tidak mengganggu *status quo* rejim berkuasa. Alat utama yang digunakan oleh kerajaan dalam mengawal media massa adalah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Akta Komunikasi dan Multimedia yang mewajibkan semua penerbitan memiliki permit tahunan dan boleh dibatalkan jika permohonannya bertentangan dengan kepentingan nasional. Contoh kes pengawasan lain yang berlaku di era Mahathir ialah media dikawal oleh kerajaan seperti Utusan Malaysia, *The Star* dan *Tamil Nadu* yang dimiliki oleh syarikat milik parti dalam Barisan Nasional. Malah, wartawan juga diarahkan untuk melaporkan berita yang bersifat positif sahaja berkaitan kerajaan. Namun demikian, kemajuan teknologi dan pembangunan di Malaysia dilihat sangat pesat semasa pemerintahan Mahathir. Menurut Bidin & Mustaffa (2012), pembangunan Koridor Raya Multimedia, yang mana sedikit sebanyak telah membuka ruang demokrasi dalam rangkaian internet di Malaysia.

Sejajar dengan pembangunan teknologi ini, ruang media siber semakin mendapat perhatian parti politik dan pemimpin, terutamanya pembangkang bagi memobilisasi sokongan rakyat dan menyampaikan agenda politik mereka. Penggunaan ruang siber ini semakin rancak terutamanya selepas Anwar Ibrahim, yang merupakan





Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu telah dipecat dari kerajaan dan parti politik. Faktor utama yang menyebabkan Anwar dipecat dari kerajaan adalah kerana konflik politik yang berlaku antara beliau dan Tun Mahathir, yang juga merupakan Perdana Menteri pada waktu itu. Konflik politik ini timbul disebabkan oleh perbezaan pendapat antara dua pemimpin ini dalam menghadapi krisis ekonomi Asia. Pemecatan Anwar Ibrahim merupakan titik tolak kepada wujudnya gelombang Gerakan Reformasi yang dilaksanakan bagi tujuan menentang kerajaan dengan menuntut untuk menghapuskan korupsi, kronisme dan nepotisme. Mengapakah mereka menggunakan ruang siber? Ruang siber dilihat sebagai satu medium yang memainkan peranan penting untuk membentuk jaringan sokongan yang lebih luas.

Kebanyakan penyokong reformasi khususnya anak muda lebih tertarik untuk beralih kepada media baru kerana media arus perdana dimonopoli sepenuhnya oleh kerajaan sehingga mereka tidak mempunyai ruang untuk mengekspresikan diri mereka, menyalurkan pandangan dan kritikan kepada kerajaan (Norhafiza, 2018). Kesan daripada peranan ruang siber dan kebangkitan rakyat, pelbagai siri protes politik yang dianjurkan oleh Gerakan Reformasi ini bagi menuntut perubahan dalam pemerintahan. Misalnya seramai tiga puluh ribu penyokong gerakan reformasi ini dikumpulkan dan melakukan demonstrasi secara besar-besaran pada 20 September 1998 di Kuala Lumpur bersempena dengan penganjuran sukan Komanwel ke-16. Jika dilihat, penyokong gerakan reformasi ini majoritinya adalah anak muda, golongan yang berpendidikan tinggi atau profesional, terdiri daripada pelbagai kaum dan aktivis seni.

Keghairahan gerakan reformasi menggunakan ruang siber ini telah memunculkan banyak blog-blog politik dan laman sesawang seperti *Free Anwar*



Campaign, Anjung Reformasi, *Malaysiakini*, *The Malaysian Blog* dan *Mahafiraun* yang membuka ruang lebih luas kepada anak muda untuk berdiskusi politik, menyampaikan maklum balas kepada kerajaan dan pembangkang serta meningkatkan lagi keprihatinan mereka terhadap isu-isu politik nasional (Norhafiza, 2012). Hal ini juga telah menyebabkan pengguna internet di Malaysia meningkat secara drastik. Buktinya, jumlah pengguna internet meningkat daripada 1,215,000 pengguna pada tahun 1998 kepada 9,789,000 pengguna pada tahun 2004 (Tan Lee Ooi 2010.18). Sehingga kini, terdapat hampir 33 juta pengguna Internet dan dari jumlah ini, 26.8 juta merupakan pengguna media sosial di Malaysia (Laporan Digital, 2023). Dalam konteks kebebasan media, media arus perdana masih lagi dimonopoli dan dikawal ketat oleh kerajaan. Oleh itu, parti-parti pembangkang dan kumpulan masyarakat sivil hanya bergerak aktif dalam blog politik dan laman web untuk menarik sokongan rakyat. Oleh itu, kerajaan cuba untuk menyekat para *blogger* yang dilihat berupaya untuk mengancam keselamatan awam dan keharmonian kaum di negara ini menerusi pelbagai akta kawalan seperti ISA, OSA, AUKU, Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Namun, kawalan dan sekatan ini tidak melemahkan penglibatan masyarakat, khususnya belia untuk terlibat dalam gerakan sosial yang lebih besar seperti Gerakan BERSIH. BERSIH yang juga dikenali sebagai Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil ialah sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang pada awalnya diperkenalkan dan digerakkan oleh parti-parti pembangkang. Tujuan utamanya adalah untuk memperjuangkan reformasi pilihan raya dan mempromosikan pilihan raya yang bebas dan adil di negara ini yang didakwa tidak telus, kotor dan hanya memihak kepada kerajaan. BERSIH ditubuhkan pada tahun 2006 sebagai tindak balas terhadap

keimbangan mengenai integriti sistem pilihan raya di Malaysia. BERSIH mula mendapat perhatian masyarakat sivil dan berjaya membawa perubahan signifikan dalam PRU12.

Objektif utama pertubuhan ini adalah untuk mendesak reformasi pilihan raya yang akan memastikan proses pilihan raya yang telus dan bertanggungjawab. Beberapa tuntutan utama yang dikemukakan oleh BERSIH termasuklah: (1) Pembersihan senarai pengundi di mana BERSIH mendesak penyiasatan yang tidak berat sebelah dan pembersihan senarai pengundi untuk menghapuskan sebarang ketidakselarasan, seperti pendaftaran berganda atau pengundi yang tidak layak; (2) BERSIH memperjuangkan peningkatan sistem undi pos untuk mencegah penyalahgunaan dan memastikan integriti proses tersebut; (3) Penggunaan dakwat kekal untuk menghalang pengundian berganda; (4) BERSIH menuntut tempoh kempen minimum untuk membolehkan kempen yang adil dan seimbang; (5) Pengukuhan institusi awam menerusi depolitisasi institusi awam, seperti Suruhanjaya Pilihan Raya dan badan kehakiman, untuk memastikan kebebasan, integriti dan ketidakberpihakan mereka. Bagi mencapai hasrat ini, BERSIH telah menganjurkan beberapa siri himpunan besar-besaran dan protes politik di Malaysia untuk meningkatkan kesedaran tentang reformasi pilihan raya dan memberikan tekanan kepada kerajaan menangani isu-isu tersebut.

Perhimpunan dan protes politik ini melibatkan penyertaan pelbagai segmen masyarakat, termasuk masyarakat sivil, badan bukan kerajaan, parti politik, dan rakyat yang prihatin. Antara faktor BERSIH mendapat sokongan umum adalah faktor ketidakpuasan hati masyarakat terhadap kerajaan terutamanya melibatkan isu rasuah, keadaan sosioekonomi yang merosot, penyelewengan dalam pilihan raya dan faktor

media penggunaan alternatif yang banyak membantu mempromosikan BERSIH ini (Ying Hooi, 2014). Faktor lain yang turut menyumbang kepada mobilisasi sokongan rakyat kepada Gerakan BERSIH ini adalah faktor media siber. Perkembangan alam siber banyak membantu dalam menarik perhatian rakyat Malaysia dalam melihat Gerakan BERSIH sebagai satu cara untuk memprotes tindakan kerajaan. BERSIH yang pada mulanya digerakkan oleh golongan elit politik dan kemudiannya disokong kuat oleh kumpulan masyarakat sivil akhirnya berjaya menarik perhatian ribuan masyarakat awam, khususnya golongan muda dan mereka yang berpendidikan tinggi untuk menyertai protes politik tersebut.

Kesannya, berlaku beberapa siri protes politik jalanan sepanjang beberapa tahun di negara ini iaitu BERSIH 2.0 (2011), BERSIH 3.0 (2012), BERSIH 4.0 (2015) dan BERSIH 5.0 (2016). Malah, penggunaan media siber secara lebih aktif oleh BERSIH juga mendapat perhatian masyarakat luar di peringkat global. Perhimpunan BERSIH ini telah menggunakan media siber secara meluas bagi menyampaikan informasi dan memobilisasikan sokongan masyarakat kepada gerakan ini. Selain itu, berlaku juga beberapa gerakan protes jalanan yang melibatkan golongan muda seperti perhimpunan 'Anti-GST', protes 'Tangkap Najib' dan protes 'Kita Lawan'. Perhimpunan awam dan protes politik di jalanan bukanlah sesuatu yang asing di Malaysia. Ruang ini telah lama digunakan sebagai wadah bagi rakyat untuk mengutarakan ketidakpuasan mereka terhadap isu-isu politik, sosial, atau ekonomi yang berkaitan dengan kerajaan atau sistem politik negara.

Krisis politik dan penindasan kepada rakyat yang membuat rakyat mula untuk melakukan protes terhadap kerajaan. Beberapa contoh protes politik yang signifikan di

Malaysia termasuk Himpunan Kebangkitan Rakyat pada tahun 2013. Himpunan Kebangkitan Rakyat (HIMPUN) diadakan sebagai respons kepada isu-isu politik dan pilihan raya yang dipercayai tidak adil oleh penyokong pembangkang pada waktu itu. Ia turut menyaksikan penyertaan yang besar dan melibatkan beberapa parti politik dan masyarakat sivil. Kemudian, pada 7 dan 28 Mac 2015, satu perhimpunan yang dikenali sebagai *Kita Lawan* diadakan bertujuan untuk membebaskan Anwar Ibrahim dan menuntut perletakan jawatan Najib Razak yang merupakan Perdana Menteri pada ketika itu. Akibatnya, polis menahan beberapa ahli politik dan aktivis seperti Mohamad Sabu, Rafizi Ramli dan Hishamuddin Rais.

Bukan itu sahaja, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang diperkenalkan oleh kerajaan pada 1 April 2015 juga telah membangkitkan kemarahan rakyat sehingga menyebabkan demonstrasi di sekitar jalan raya, Kuala Lumpur. Perhimpunan *anti* GST dianjurkan oleh gabungan beberapa NGOs seperti Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Gerakan *Anything but* UMNO (ABU) dan *The Oppressed People's Network* (JERIT). Perhimpunan ini dilakukan sebagai tanda protes terhadap kerajaan yang menganggap GST adalah beban kepada rakyat. Perhimpunan atau demonstrasi yang berlaku di Malaysia banyak memberikan kesan terhadap kerajaan. Kebanyakan golongan yang menyertai protes tersebut adalah golongan muda atau belia dan penyokong-penyokong NGOs dan parti-parti politik (Norhafiza, 2018).

Malah di Sabah, satu gerakan anak muda telah mengadakan perhimpunan aman pada 16 September 2018 yang dikenali sebagai "Pandang ke Sabah". Perhimpunan ini dilakukan semasa sambutan Hari Malaysia di Sabah. Menurut Norasikin (2018),

perhimpunan yang dianjurkan oleh golongan belia tersebut telah mendapat perhatian di media siber apabila lapan belia ditahan oleh pihak polis. Perkara ini mendapat perhatian golongan belia lain di mana mereka bertindak untuk mengeluarkan pendapat dan rasa tidak puas hati di media siber. Golongan ini beranggapan bahawa kerajaan perlu mendengar suara dan kehendak anak muda sebagai warganegara Malaysia yang menginginkan pembangunan setara bagi semua pihak di negara ini. Belia juga merasakan bahawa mereka ialah golongan anak muda yang membawa aspirasi mahukan perubahan dan peka dengan perkembangan semasa negara (Yahya, 2017).

Pada tahun 2020, Himpunan Solidariti Rakyat (HSR) diadakan sebagai protes terhadap pergolakan politik yang berlaku di negara ini. HSR menuntut kestabilan politik dan penyelesaian yang adil kepada krisis politik yang berlaku khususnya selepas perletakan jawatan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri yang ke-7. Jika dilihat, protes-protes politik di Malaysia semakin rancak sejak wujudnya media siber. Protes politik adalah aktiviti yang dilindungi oleh undang-undang, selagi ia dijalankan secara aman dan tidak melibatkan keganasan. Pada umumnya, protes politik memberikan platform bagi rakyat untuk menyuarakan pandangan mereka dan menekankan isu-isu penting yang perlu ditangani oleh kerajaan atau sistem politik negara secara pantas. Era Malaysia baharu setelah PRU-14 sehingga kini telah menunjukkan perubahan dalam pentadbiran negara termasuk kebebasan rakyat dan media. Menurut Ahmad Zaini (2019), berlaku reformasi dalam media di mana penulis tidak lagi dibelenggu dengan sebarang ancaman atau arahan yang negatif daripada mereka yang memegang tampuk kuasa. Penulis boleh membuat pertimbangan sendiri dalam menyiarkan sebarang artikel atau laporan yang berkaitan dengan pentadbiran kerajaan.



Namun, kebebasan tersebut bukan jaminan untuk mencetuskan sentimen kaum dan menggugat keamanan dan kestabilan negara. Syahredzan (2020) turut menyatakan bahawa era Malaysia baharu ini dilihat membuka ruang kebebasan kepada rakyat untuk mengkritik dan menghentam kerajaan, tanpa perlu rasa takut bahawa pihak berkuasa akan menahan mereka. Namun, terdapat juga individu yang menyalahgunakan kebebasan yang diberikan dengan menyebarkan sentimen perkauman sehingga mewujudkan isu yang boleh menjejaskan keharmonian negara.

Oleh itu, akta-akta drakonian masih lagi berkuatkuasa bertujuan untuk menjaga keselamatan negara. Menurut *World Press Freedom Index* yang dikeluarkan oleh *Reporters Without Borders* (RSF), indeks kebebasan media Malaysia telah mengalami kenaikan dalam beberapa tahun terkini. Indeks tersebut menilai keadaan kebebasan media di negara-negara di seluruh dunia berdasarkan beberapa faktor, termasuk kebebasan berekspresi, akses kepada informasi, dan perlindungan terhadap wartawan. Misalnya, pada tahun 2019, Malaysia berada di tempat ke-123 dari 180 negara. Walaupun terdapat harapan baru dalam kebebasan media setelah penggantian kerajaan pada tahun 2018, tetapi beberapa undang-undang yang membatasi kebebasan media masih belum diubah.

Namun, pada tahun 2020, Malaysia naik dan berada di tempat ke-101 dari 180 negara. Peningkatan ini disebabkan oleh perubahan politik pada tahun 2018 yang membawa kepada beberapa reformasi dalam undang-undang media dan kebebasan bersuara. Pada tahun 2021, Malaysia jatuh semula dan berada di tempat ke-119 dari 180 negara dalam indeks tersebut. Terkini, Malaysia berada di tangga ke-73 dalam indeks kebebasan media 2023, meningkat sebanyak 40 anak tangga daripada



kedudukan 113 pada tahun 2022. Malaysia juga menduduki ranking tertinggi dalam kalangan negara-negara ASEAN lain. Walaupun berlaku penggantian kerajaan dari Barisan Nasional (BN) ke Pakatan Harapan (PH), yang membawa harapan akan reformasi media yang lebih besar dan kebebasan bersuara yang lebih luas, namun masih terdapat kebimbangan mengenai isu-isu penggunaan kawalan undang-undang yang ketat dan tindakan kerajaan terhadap kritikan media. Malah, Malaysia seringkali dikecam sebagai sebuah negara yang tidak mendukung prinsip demokrasi yang bertunjangkan hak asasi manusia (Apandi, 2016).

1.2 Permasalahan Kajian

Di Malaysia, masyarakat dapat mengakses internet buat pertama kalinya pada tahun 1992 ketika *Internet service provider* (ISP) atau penyedia perkhidmatan internet dilancarkan oleh Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS). Penubuhan MIMOS oleh kerajaan telah menyediakan peluang kepada rakyat Malaysia yang mempunyai kemahiran dalam teknologi untuk menghasilkan hubungan internet yang baik. Hari ini, internet merupakan sebahagian besar daripada kehidupan seharian orang ramai yang semakin bergantung kepada internet untuk menyampaikan dan menyebarkan berita. Kadar penembusan internet kian meningkat dari 0.1% pada tahun 1995 sehingga mencecah 87.4% pada tahun 2018 (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2018), tetapi sehingga kini internet masih lagi dilihat sebagai sebuah pengalaman bandar (Wok & Mohamed, 2017). Kini, terdapat seramai 96.8 peratus dari jumlah populasi merupakan pengguna Internet, di mana rata-rata dalam

kalangan mereka ini adalah anak muda dan mereka yang kebanyakannya tinggal di bandar (Laporan Digital, 2023).

Antara aktiviti dalam talian yang paling kerap dilakukan oleh sebahagian besar pengguna internet di Malaysia adalah penglibatan sosial, ataupun secara spesifiknya rangkaian sosial. Kemp (2012) berpendapat bahawa hampir 90% pengguna internet di Malaysia telah memiliki akaun media sosial. Laman rangkaian sosial yang paling disukai di negara ini ialah *Facebook* dengan peratusan 97.3% daripada keseluruhan 24.6 juta pengguna rangkaian sosial, diikuti oleh akaun *Instagram* (57.0%) dan *YouTube* (48.3%) (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2018). Belia merupakan antara golongan yang dekat dengan media siber. Kini, hampir semua belia mempunyai akaun media sosial yang dijadikan medium utama komunikasi dan mendapatkan maklumat. Walaupun kerajaan komited dalam memperluas akses internet di Malaysia dan jumlah pengguna internet juga dilihat kian meningkat, kebebasan dalam dunia maya masih lagi terhad.

Ini disebabkan oleh penapisan dan pengawasan siber yang dilaksanakan untuk membendung kata-kata kebencian, fitnah atau tindakan keganasan yang tidak berperikemanusiaan sangat diperlukan dalam rejim semi-demokratik dan dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia. Dalam hal ini, kerajaan mengumumkan komitmennya untuk mengehadkan kebebasan rakyat demi keselamatan. Kerajaan juga telah melaburkan berbilion ringgit untuk menguatkuasakan undang-undang keselamatan siber bagi mempertahankan keselamatan negara dan memantau aktiviti siber. Namun, Akta Komunikasi dan Multimedia (CMA) 1998, iaitu seksyen 233 (1) (a) yang mengancam kebebasan bersuara dengan menjatuhkan hukuman jenayah



terhadap seseorang yang menggunakan perkhidmatan atau fasiliti rangkaian untuk menyalurkan apa-apa komunikasi yang dianggap sebagai serangan dengan tujuan untuk mengganggu, mengancam dan menganiaya orang lain dilihat oleh belia Malaysia sebagai mekanisme pengawasan.

Hukuman yang dijatuhkan juga dianggap sebagai hukuman atas perbezaan pendapat kerana ia sering digunakan terhadap orang awam, terutamanya belia Malaysia. Sebagai contoh, Khalid Ismeth telah didakwa dengan sebelas tuduhan di bawah Seksyen 233 CMA dan tiga tuduhan lain di bawah Seksyen 4 (1) Akta Hasutan kerana menyiarkan komen di *Facebook* yang dikatakan telah menyinggung keluarga diRaja Johor dan angkatan polis Malaysia. Kes yang lain pula adalah melibatkan artis grafik dan aktivis Fahmi Reza, yang terkenal dengan penyiaran karikatur Perdana Menteri, Najib Razak sebagai badut dalam media siber. Disebabkan oleh gambar yang telah tersebar secara meluas di media siber ini, akaun *Twitter* Fahmi Reza diletakkan di bawah pengawasan pihak polis dan dia juga telah didakwa dengan dua tuduhan berasingan di bawah seksyen yang sama dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda sebanyak RM 50,000 (AS \$ 12,178), jika disabitkan kesalahan.

Seterusnya, kes Lim Guan Eng lwn PP [2000] 2 CLJ 541 merupakan salah satu kes di bawah Seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Dalam kes tersebut, tertuduh telah dituduh menerbitkan sebuah berita palsu dengan niat jahat. Berita tersebut diterbitkan dalam bentuk sebuah risalah bertajuk “Mangsa Dipenjarakan”. Mahkamah memutuskan bahawa perkataan-perkataan yang diterbitkan tersebut adalah palsu. Akibatnya, tertuduh telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman penjara





selama lapan belas (18) bulan bagi setiap kesalahan yang disabitkan (Apandi, 2016). Selain itu, contoh kes lain ialah yang berlaku pada aktivis muda dan juga merupakan bekas ahli *Democratif Action Party* (DAP) iaitu Jufazli Shi Ahmad. Menurut Tracy (2019), Jufazli ditahan polis atas tuduhan menghina Perdana Menteri pada ketika itu iaitu Tun Dr Mahathir Mohammad.

Jufazli telah membuat siaran langsung di akaun *Facebook* miliknya pada 16 Mac 2019 dan video tersebut dilihat sebanyak 310,000 kali, menerima 33,000 komen dan dikongsi 6,669 kali. Video siaran langsung tersebut berdurasi 58 minit di mana Jufazli telah menuduh Tun Mahathir melakukan pelbagai jenayah, termasuk rasuah dan salah guna kuasa. Jufazli ditahan mengikut Seksyen 504 Kanun Keseksaan, iaitu sengaja mengaibkan dengan niat menggugat keamanan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia. Menurut Nor Azihan (2021), rumah Jufazli telah diserbu oleh pihak polis dan beliau sekali lagi ditahan menggunakan akta yang sama pada 28 Februari 2021.

Oleh itu, kajian ini mempunyai beberapa permasalahan yang hendak diselidiki berkaitan dengan tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan. Pertama, apakah tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan siber dan penapisan siber? Hal ini penting untuk dikaji kerana usaha kerajaan dalam memastikan keselamatan negara dengan cara meningkatkan tahap pengawasan telah mencetuskan perdebatan sama ada keutamaan perlu diberikan kepada keselamatan awam atau privasi masyarakat. Apabila timbul isu tentang jenayah siber, sensitiviti agama dan perkauman serta ancaman-ancaman lain, masyarakat dilihat perlu mengorbankan privasi untuk keselamatan negara (Johannen et al., 2004). Sebagai reaksi terhadap apa yang berlaku,





muncul tiga pandangan berbeza yang menerangkan dilema antara privasi dan keselamatan negara: Pertama, orang ramai sanggup menggadaikan privasi mereka demi meningkatkan tahap keselamatan negara. Dalam erti kata lain, keselamatan diberikan kepentingan yang lebih tinggi berbanding privasi individu (Alfred, 2016).

Oleh itu, mereka yang mengutamakan keselamatan ini cenderung untuk mempunyai tingkah laku positif di mana mereka pro-penapisan dan pro-pengawasan siber dan mereka tidak kisah sekiranya kerajaan melaksanakan pengawasan dan penapisan ke atas media siber milik mereka (Watson & Wright, 2013). Kedua, individu yang sangat mementingkan privasinya cenderung untuk bersikap skeptikal terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan (Svenonious & Björklund, 2018). Keutamaan untuk privasi akan mempengaruhi tingkah laku mereka terhadap pengawasan dan penapisan siber, sama ada mereka akan bertoleransi untuk menerimanya atau akan berasa bimbang kerana privasi dapat mengaktifkan penilaian kognitif dan sentimen emosi (Budak et al., 2015). Ketiga, sesetengah orang percaya bahawa perlu ada keseimbangan antara privasi dan keselamatan dalam melaksanakan pengawasan dan penapisan siber ke atas masyarakat (Hagen & Lysne, 2016). Namun, pelaksanaan pengawasan dan penapisan siber ini hanya boleh digunakan bagi menangani kes-kes atau orang-orang tertentu sahaja, tanpa melibatkan keseluruhan masyarakat secara umum. Dalam hal ini, kerajaan perlu melaksanakan pengawasan dan penapisan siber ini hanya untuk tujuan menjaga keselamatan negara dan berusaha untuk mengimbangi antara keperluan rakyat dengan melindungi privasi mereka. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan dengan mendalam berkaitan dengan tingkah laku masyarakat, khususnya belia di Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan.





Sehubungan dengan pertanyaan di atas, maka muncul persoalan lain yang juga harus dibahas dalam tesis ini, iaitu apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku yang berbeza-beza terhadap pengawasan siber dan penapisan siber? Secara teoritikal, pelbagai faktor boleh mempengaruhi tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan. Jika merujuk kepada Budak et al. (2011), faktor demografi seperti tahap pendidikan, umur dan status ekonomi berkait rapat dalam mempengaruhi tingkah laku masyarakat terhadap pengawasan dan penapisan siber, khususnya di negara-negara Balkan. Tahap pendidikan dapat mempengaruhi sikap terhadap pengawasan di mana kebiasannya individu yang berpendidikan tinggi lebih skeptikal terhadap pengawasan daripada mereka yang mempunyai pendidikan rendah (Budak et al., 2015; Grenville 2010).



Namun, Svenonious & Björklund (2018) mendapati golongan tua lebih kritikal berbanding golongan muda terhadap pengawasan dan penapisan siber di negara pasca komunis kerana mereka mempunyai pengalaman dan ingatan yang kuat pada era komunis. Selain itu, Friedewald & Lieshout (2015) dan Watson & Wright (2013) mendapati faktor-faktor emosional seperti kepercayaan yang tinggi pada institusi yang melaksanakan pengawasan dan penapisan siber adalah penting berbanding dengan faktor demografi seperti usia, jantina dan wilayah. Ini bermaksud individu yang mempunyai kepercayaan yang tinggi kepada institusi mempunyai tingkah laku positif atau lebih pro-pengawasan dan pro-penapisan siber, dan sebaliknya. Namun, kajian Svenonious & Björklund (2018) merumuskan bahawa individu yang mengutamakan pengawasan dan penapisan siber ini bukan hanya dipengaruhi kepercayaan yang tinggi kepada institusi, tetapi juga didorongi oleh perasaan *insecurity* atau kebimbangan yang tinggi terhadap keselamatan mereka. Hal ini disebabkan semakin sedarnya rakyat ke





atas ancaman-ancaman terkini di alam siber seperti buli siber, penghinaan, pornografi dan pelanggaran hak cipta. Dengan meningkatnya kesedaran rakyat ini, mereka lebih cenderung untuk memilih keselamatan berbanding privasi.

Jika demikian halnya, maka penyelidik membangunkan dua andaian, iaitu pertama, belia Malaysia bersikap skeptikal terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan belia dan memilih privasi berbanding keselamatan. Andaian kedua adalah ketidakpercayaan yang tinggi terhadap institusi adalah antara faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku ini. Kedua-dua andaian ini bersandarkan kepada hujah Druzin & Gordon (2018) bahawa penapisan dan pengawasan internet di bawah rejim autoritarian adalah lebih rapuh dan lemah kerana kerajaan perlu bergantung pada penapisan sendiri yang akan menyebabkan sistem kawalan lebih terdedah kepada protes yang tidak dijangka.

Dalam konteks Malaysia ini, dapat dilihat kini bahawa kebanyakan ketidakakuran awam atau protes politik yang berlaku adalah disebabkan oleh ketidakpercayaan kepada institusi di mana masyarakat memiliki pandangan yang skeptikal bahawa kerajaan cuba untuk mencabuli hak kebebasan besuara dan mengekalkan kuasa politik menerusi pengawasan dan penapisan siber, bukannya untuk melindungi rakyat (Norhafiza, 2018). Hal ini menyukarkan usaha kerajaan untuk menghalang jenayah siber daripada berlaku. Ini kerana inisiatif kerajaan untuk memperkukuh keselamatan negara diberikan tanggapan yang negatif oleh rakyat, terutama sekali orang muda yang melihat tindakan ini sebagai satu ancaman, bahaya dan sebagai penganiayaan terhadap hak asasi manusia. Selain itu juga, kajian ini turut mengambil kira faktor-faktor demografi seperti jantina, tahap pendidikan dan dikotomi





bandar-luar bandar dalam mempengaruhi tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan.

Akhirnya, persoalan ketiga yang turut dibincangkan dalam kajian ini adalah apakah mekanisme penyelesaian bagi memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber? Pertanyaan ini sangat signifikan kerana tujuan pelaksanaan pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan ini adalah untuk meningkatkan tahap keselamatan negara dan melindungi masyarakat. Oleh itu, masyarakat, khususnya golongan belia, perlu menerima dan menyokong tindakan kerajaan ini bagi tujuan keselamatan negara dan kepentingan awam, lebih-lebih lagi pada era pandemik COVID-19 ini. Tidak banyak kajian yang memfokuskan kepada mekanisme penyelesaian bagi memastikan masyarakat mempunyai sikap positif terhadap pengawasan dan penapisan siber.

Namun, kajian oleh Ziller & Helbling (2020) dan Hagen & Lysne, (2016) menyimpulkan bahawa sokongan masyarakat dapat ditingkatkan jika pengawasan dan penapisan ini ditujukan kepada penjenayah yang berpotensi, dan bukan pada semua warganegara, serta dikuatkuasakan jika ancaman keselamatan semakin jelas dan tinggi. Walau bagaimanapun, kebimbangan mengenai keselamatan data akan mengurangkan sokongan kepada tindakan kerajaan ini. Dalam erti kata lain, warganegara memperjudikan kebebasan sivil mereka untuk keselamatan, tetapi pada masa yang sama mereka peka terhadap kemungkinan pencerobohan privasi.

Oleh itu, analisis empirikal dan sistematik tentang tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan internet adalah penting kerana kajian ini masih





terhad dan tidak banyak dilakukan. Kebanyakan kajian di Malaysia lebih memberi penekanan terhadap perkembangan internet dan media sosial (Wok & Mohamed, 2017), isu kebebasan internet (Mohd Sani et al., 2016) dan pelaksanaan undang-undang tertentu bagi mengawal kandungan dan pengguna internet (Nawang, 2014). Namun, masih terhad kajian yang mengkaji sama ada belia Malaysia menerima pengawasan dan penapisan dan apakah sikap mereka (pro-penapisan atau anti-penapisan) terhadap pengawasan siber dan penapisan internet di Malaysia. Di samping itu, perbincangan mengenai panduan untuk memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan siber dan penapisan internet juga tidak ditemukan dalam kajian.

Bagi mengisi jurang yang wujud, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber serta usaha untuk mengharmonikan tingkah laku mereka yang negatif. Kajian ini dilihat sejajar dengan revolusi industri yang keempat (IR 4.0) dalam konteks isu privasi, dan selari dengan *Sustainable Development Goal* (SDG) 16 iaitu untuk membina institusi yang efektif dan bertanggungjawab di semua peringkat. Kajian ini juga dijangka dapat membantu kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan badan bukan kerajaan untuk memperbaiki sikap dan kepercayaan masyarakat kepada institusi politik, dan dalam masa yang sama dapat mengukuhkan dasar keselamatan siber di Malaysia, terutama Teras 4, dengan menyebarkan pengetahuan dan kesedaran keselamatan siber kepada rakyat untuk memelihara budaya keselamatan negara.



1.3 Persoalan Kajian

Secara lebih khusus, seperti diuraikan sebelumnya, terdapat tiga persoalan penelitian yang diselidiki dalam tesis ini, iaitu:

1. Apakah tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber?
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku yang berbeza-beza terhadap pengawasan dan penapisan siber?
3. Apakah mekanisme penyelesaian bagi memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber?

Kajian ini juga mempunyai hipotesis yang dibina berdasarkan persoalan kajian:

- 1) Tingkah laku belia perempuan terhadap pengawasan dan penapisan siber adalah lebih positif berbanding lelaki.
- 2) Tingkah laku belia yang tinggal di kawasan bandar terhadap pengawasan dan penapisan adalah lebih positif berbanding belia di kawasan luar bandar.
- 3) Faktor pendidikan merupakan faktor yang dominan dalam mempengaruhi tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber.
- 4) Faktor media siber merupakan faktor yang dominan dalam mempengaruhi tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber.
- 5) Peranan pendidikan merupakan mekanisme penyelesaian yang terbaik dalam membentuk tingkah laku belia Malaysia yang positif terhadap pengawasan dan penapisan siber.

- 6) Peranan kerajaan merupakan mekanisme penyelesaian yang terbaik dalam membentuk tingkah laku belia Malaysia yang positif terhadap pengawasan dan penapisan siber.

1.4 Objektif kajian

Kesemua persoalan di atas berpaksi pada sebuah andaian bahawa belia Malaysia mempunyai tingkah laku negatif terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan di mana mereka cenderung untuk memilih privasi berbanding keselamatan. Maka, tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber.
2. Menyelidik faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku yang berbeza-beza terhadap pengawasan dan penapisan siber.
3. Mengkaji mekanisme yang terbaik bagi memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber.

1.5 Skop kajian

Kajian ini memfokuskan analisisnya kepada tingkah laku belia atau anak muda kepada pengawasan dan penapisan siber yang dilaksanakan oleh kerajaan. Perbincangan ini



penting bagi menilai pandangan anak muda terhadap isu ini khususnya pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap pengawasan dan penapisan siber oleh kerajaan. Ini kerana walaupun kerajaan melaksanakan pengawasan dan penapisan di ruangan siber bagi tujuan menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam, namun dari sisi lain ianya boleh mencerooboh privasi individu. Oleh itu, kajian ini bersesuaian dengan keselamatan siber dalam konteks kesedaran pengguna siber terhadap privasi dan perlindungan data. Keselamatan siber adalah perlindungan terhadap ancaman dan serangan dalam sistem komputer, jaringan, dan data elektronik. Ini melibatkan langkah-langkah untuk mencegah akses yang tidak sah, melindungi privasi, mempertahankan integriti data, dan memastikan ketersediaan sistem dan layanan digital.

Di era yang semakin terhubung dan bergantung pada teknologi informasi, keselamatan siber menjadi penting untuk individu, dan kerajaan. Terdapat beberapa aspek penting dalam keselamatan siber iaitu pertama, keselamatan jaringan yang melibatkan perlindungan terhadap serangan dan ancaman yang ditujukan pada jaringan komputer, seperti serangan *malware*, serangan *Distributed Denial of Service (DDoS)*, serangan *phishing*, dan sebagainya. Kedua, keselamatan sistem yang mencakupi perlindungan terhadap ancaman yang ditujukan pada sistem operasi, *hardware* dan *software* yang digunakan dalam komputer dan jaringan. Ketiga, keselamatan berkaitan dengan perlindungan data. Ini melibatkan langkah-langkah untuk melindungi kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan data yang disimpan dan diproses dalam sistem komputer. Selain itu, kesedaran pengguna tentang keselamatan siber yang baik, seperti menggunakan *password* yang kuat, menghindari dari menekan tautan yang mencurigakan atau memuat turun lampiran yang tidak diketahui. Seterusnya ialah keselamatan aplikasi yang melibatkan pengembangan dan penggunaan perisian yang





selamat, dengan melakukan pemeriksaan keselamatan, pembaharuan secara rutin, dan memperbaiki kelemahan yang mungkin ada dalam aplikasi. Oleh itu, peranan menjaga keselamatan siber ini bukan hanya bergantung kepada kerajaan sahaja, namun organisasi dan individu juga perlu mengambil langkah-langkah untuk melindungi diri mereka sendiri, seperti menghindari berkongsi informasi peribadi secara tidak sah kepada orang lain. Perkembangan teknologi yang sentiasa berterusan ini akan meningkatkan ancaman kepada keselamatan negara dan individu. Oleh itu, penting untuk mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang keselamatan siber agar tetap dilindungi.

Kedua, kajian ini difokuskan kepada golongan belia atau anak muda kerana mereka ini merupakan kelompok tertinggi yang aktif dan setia menggunakan media siber. Walaupun banyak kajian ilmiah berkaitan dengan pengetahuan dan kesedaran siber dalam kalangan belia di Malaysia (Contoh: Kajian Zakiah & Dalbir, 2018; Muhammad Adnan et al., 2022; Nursyahida et al., 2021), namun penyelidikan mereka tidak memfokuskan kepada pengawasan dan penapisan siber yang dilakukan oleh kerajaan dan tidak membincangkan secara terperinci tingkah laku belia terhadap mekanisme kawalan ini. Selain itu, kajian ini ditumpukan kepada golongan muda kerana keupayaan mereka untuk mencetuskan perubahan dalam lanskap politik sekali gus memberi impak yang besar terhadap proses pendemokrasian di Malaysia. Misalnya, salah satu faktor yang menyumbang kepada kejatuhan kerajaan BN pada PRU 2018 adalah disebabkan oleh pengundi muda.





Rajah 1.1. Peta Selangor (Sumber: Google)

Kajian ini akan dijalankan di sekitar negeri Selangor yang dipilih atas beberapa faktor utama. Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Institut Darul Ehsan (IDE) dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), Selangor merupakan negeri yang mencatatkan pengguna laman sosial *Facebook* tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 65% diikuti dengan *Instagram* 23% dan *YouTube* 22%. Oleh sebab itu, Selangor merupakan lokasi kajian yang sesuai untuk menjalankan kajian analisis sikap belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan. Selain itu, Selangor dilihat sebagai sebuah negeri maju yang mendapat perhatian belia untuk menetap. Menurut portal rasmi negeri Selangor, Selangor Darul Ehsan terletak di bahagian tengah pantai barat Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Perak di sebelah utara, Pahang di sebelah timur dan Negeri Sembilan di sebelah selatan. Selangor



dibahagikan kepada sembilan daerah yang terdiri dari Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Gombak, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang. Selangor merupakan salah satu negeri yang mengalami kemajuan yang cukup hebat di Malaysia.

Pada 27 Ogos 2005, kerajaan Negeri Selangor telah diisytiharkan sebagai negeri berstatus maju yang pertama di Malaysia. Negeri Selangor dilihat sebagai sebuah negeri yang maju dalam pelbagai bidang. Ia menjadi pusat perdagangan, kewangan, pembinaan, pengangkutan dan pembuatan yang menyumbang kepada pendapatan utama negara. Salah satu faktor yang menjadikan Selangor mengalami kemajuan adalah kerana pemusatan kegiatan ekonomi di Lembah Klang yang juga terletaknya Kuala Lumpur di tengah-tengah Negeri Selangor. Oleh itu, Selangor menjadi negeri tumpuan untuk golongan belia mencari peluang pekerjaan dan juga kewujudan pelbagai pengajian tinggi awam dan swasta. Selangor dipilih sebagai kajian kes kerana negeri ini merekodkan peratusan populasi muda yang tertinggi di Malaysia, dengan jumlah sebanyak 1,558,500 orang belia.

Kajian ini tertumpu kepada bidang keselamatan siber khususnya isu siber iaitu pengawasan dan penapisan siber di Malaysia. Isu ini dipilih kerana ingin melihat tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber adalah beragam dan berbeza. Penyelidik mengkaji tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan. Kajian ini dilakukan kerana masih kurang kajian yang mengkaji sama ada belia di Malaysia prihatin terhadap pengawasan dan penapisan siber. Penyelidik ingin membuat kajian mengenai tingkah laku belia sama ada belia





lebih memilih privasi, keselamatan atau wujud keseimbangan antara kedua aspek tersebut. Belia yang memilih privasi adalah belia yang anti kepada pengawasan dan penapisan siber. Manakala belia yang memilih keselamatan pula adalah pro kepada pengawasan dan penapisan siber di mana mereka merasakan bahawa ianya penting untuk menjaga keselamatan negara.

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara ketika kajian ini dijalankan dijangka akan melambatkan proses pengumpulan data. Tambahan pula, kawalan pergerakan yang dilaksanakan di dalam negara menambah lagi kesukaran untuk mengumpulkan data kajian ini. Kajian ini dijalankan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 iaitu pada tahun 2021 sehingga tahun 2022, di mana pada tempoh ini penyelidik mengumpul data empirikal. Kajian yang dijalankan hanya tertumpu kepada golongan belia iaitu yang berumur 15 tahun sehingga 30 tahun, mengikut takrif belia dalam Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019. Hal ini kerana, golongan belia merupakan antara pengguna internet yang paling aktif dibandingkan dengan generasi yang lebih tua. Pernyataan ini turut dikuatkan oleh para sarjana seperti yang dijelaskan dalam latar belakang kajian. Selain itu, golongan belia juga merupakan golongan yang mempunyai suara yang besar dalam masyarakat. Penyelidik juga akan menyentuh mengenai penyelesaian untuk memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber. Lokasi kajian ini ialah disekitar negeri Selangor sama ada mereka yang bekerja atau tidak bekerja dalam apa jua sektor. Kajian ini juga meliputi mereka yang bekerja di sektor kerajaan atau swasta atau sokongan sendiri dengan pelbagai ciri demografi seperti jantina, etnik dan agama.





1.6 Kepentingan kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai beberapa kepentingan kepada penyelidik atau pihak-pihak yang terlibat. Kepentingan sesuatu kajian memberi implikasi dan kesan yang besar dalam memperbaiki sesuatu masalah bagi kajian yang dijalankan. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini juga mempunyai beberapa kepentingan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu dalam melihat tingkah laku belia dalam pengawasan dan penapisan siber kerajaan.

1.6.1 Kepentingan kepada Penyelidikan

Kajian ini adalah untuk penambahbaikan terhadap kajian-kajian lepas yang tidak menyentuh dan memfokuskan kepada tingkah laku belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan. Penyelidik ingin mengkaji sama ada belia Malaysia prihatin tentang isu pengawasan dan penapisan siber, serta apakah tingkah laku mereka lebih kepada pro-penapisan atau anti-penapisan terhadap isu kajian ini. Kajian ini juga adalah untuk menambah ilmu dan membina kerangka teori baru kepada penyelidik untuk lebih mengetahui mengenai isu pengawasan dan penapisan siber kerajaan dalam konteks negara Malaysia.





1.6.2 Kepentingan kepada Masyarakat

Kajian ini memberikan kepentingan kepada masyarakat dengan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai isu pengawasan dan penapisan siber. Selain itu, kepentingan lain yang dapat dilihat ialah mereka mendapat maklumat dan pendedahan tentang tingkah laku dan pandangan belia Malaysia mengenai isu ini. Tambahan pula, golongan belia adalah golongan yang berperanan penting dalam membentuk sebuah masyarakat yang sihat dan harmoni.

1.6.3 Kepentingan kepada Ahli Akademik

Kajian ini turut memberi kepentingan kepada ahli akademik. Hal ini kerana masih terhad kajian yang mengkaji mengenai tingkah laku belia terhadap pengawasan dan penapisan siber. Selain itu, ahli akademik juga mendapat maklumat tambahan mengenai perbincangan panduan untuk memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan siber dan penapisan siber. Kajian ini akan dapat mengisi jurang yang wujud dan dapat mengembangkan rangka kerja dalam usaha untuk memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif demi untuk pembangunan negara.





1.6.4 Kepentingan kepada Negara

Kajian ini turut mendatangkan kepentingan kepada pembangunan negara Malaysia. Penemuan ini akan menyumbang kepada agenda negara seperti dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) yang menggariskan untuk perekayasaan semula sosial. Kajian ini dilihat digunakan untuk memandu modifikasi dasar semasa bagi meningkatkan pengawasan dan penapisan siber negara melalui perubahan tingkah laku belia Malaysia.

1.6.5 Kepentingan kepada Golongan Belia

Kajian ini dilihat memberikan kepentingan kepada golongan belia di Malaysia khususnya mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun. Hasil kajian ini dapat memberikan pendedahan kepada golongan belia bagi melihat tingkah laku terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan. Belia dapat mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi mereka dalam melihat isu kajian. Tambahan pula, kajian ini turut mengkaji mekanisme penyelesaian bagi memastikan tingkah laku belia Malaysia adalah positif terhadap pengawasan dan penapisan siber.

1.6.6 Kepentingan kepada Metodologi Kajian

Kajian ini juga memberikan kepentingan kepada metodologi kajian. Kajian-kajian lepas yang telah dijalankan hanya menggunakan satu kaedah sahaja iaitu kaedah kuantitatif





atau kaedah kualitatif. Namun, kajian ini menggunakan kaedah campuran di mana menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi menghasilkan data yang lebih komprehensif. Penggabungan dua pendekatan ini juga dapat memberi gambaran yang lebih terperinci tentang permasalahan kajian yang dikaji. Kajian ini dapat memberikan kepentingan kepada penyelidik lain dalam menggunakan metodologi kajian yang sama. Tambahan pula, metodologi yang digunakan menghasilkan penyelidikan yang lebih kukuh dan berkualiti.

1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional ialah batasan pengertian atau maksud sesuatu pemboleh ubah yang diguna pakai dalam sesuatu penyelidikan. Dalam kajian ini, penyelidik menyatakan definisi operasional bagi belia, tingkah laku, media siber, pengawasan siber dan penapisan siber.

1.7.1 Belia

Menurut Safiah Suhaimi et al., (2016), belia merupakan suatu tahap perkembangan dalam kehidupan seorang individu. Oleh itu, belia merupakan satu tempoh peralihan dari pergantungan zaman kanak-kanak ke alam dewasa. Setiap negara mempunyai definisi atau ukuran umur yang berbeza bagi belia. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mendefinisikan belia sebagai yang berumur di antara 15 dan 24 tahun (United Nations, 2013) dan Pertubuhan Komanwel menyatakan bahawa belia adalah mereka yang





berumur antara 15 hingga 29 tahun (Commonwealth Youth, 2021). Manakala belia di Malaysia ialah mereka yang berumur 15 ke 30 tahun. Belia dalam kajian ini ialah didefinisikan sebagai golongan anak muda yang berumur 15 ke 30 tahun mengikut takrifan baru dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019.

1.7.2 Tingkah Laku

Menurut Martin & Pear (2003), tingkah laku ialah merangkumi aktiviti, aksi, prestasi dan tindakan. Pada dasarnya tingkah laku adalah apa sahaja yang diperkatakan atau dilakukan oleh seseorang individu. Manakala menurut Lewis M. (2001), tingkah laku adalah apa yang manusia lakukan, cara berinteraksi atau beraksi dan bertindak balas terhadap persekitaran. Tingkah laku ialah apa yang seseorang cakapkan dan katakan serta mempunyai satu atau lebih dimensi yang boleh diukur. Tingkah laku juga boleh diperhatikan, diterangkan dan memberi kesan kepada persekitaran. Tingkah laku seseorang individu boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti persekitaran dan pendidikan. Definisi tingkah laku dalam kajian ini ialah apa yang diperkatakan, dilakukan dan difikirkan oleh seseorang individu dalam bertindak balas dengan isu pengawasan dan penapisan siber.

1.7.3 Media Siber

Susanto et al., (2020) menyatakan bahawa media siber merujuk pada apa sahaja bentuk media yang diakses melalui internet, seperti laman sesawang, laman sosial, blog, dan





aplikasi dalam talian lain untuk menyebarkan maklumat. Mereka menekankan bahawa media siber menggalakkan interaksi antara pengguna dan kandungan, serta memungkinkan penyebaran informasi secara lebih cepat dan luas. Sementara itu, Pavlik dan McIntosh (2017) mendefinisikan media siber sebagai segala bentuk media yang beroperasi melalui internet, termasuk laman sesawang berita, platform jaringan sosial, dan aplikasi berasaskan internet yang lain. Mereka menghujahkan bahawa media siber membolehkan partisipasi aktif dari pengguna, baik dalam mengakses mahupun menghasilkan kandungan.

Selain itu, Kellerman (2013) menggambarkan media siber sebagai segala bentuk media yang disampaikan melalui infrastruktur internet, yang mencakupi pelbagai platform seperti laman sesawang, forum dalam talian, dan aplikasi berasaskan internet. Menurut Kellerman lagi, media siber mengubah cara manusia mengakses dan berinteraksi dengan informasi, serta mempengaruhi perubahan komunikasi dalam masyarakat. Oleh itu, kajian ini mendefinisikan media siber sebagai semua bentuk media elektronik yang diakses melalui internet, yang membolehkan interaksi antara pengguna dan kandungan, serta memiliki impak signifikan terhadap cara informasi disampaikan dan diterima dalam masyarakat kini.

1.7.4 Pengawasan Siber

Tekanan yang diterima daripada rakyat akan membuat institusi tersebut melakukan pengawasan. Konsep pengawasan yang digunakan dalam kajian ini ialah konsep *Panopticon*. *Panopticon* merupakan satu konsep untuk mendisiplinkan masyarakat dan





pada asalnya merupakan satu bangunan yang telah dibina untuk tujuan pengawasan. Seni bina bangunan tersebut merupakan sebuah penjara yang direka bentuk oleh Jeremy Bentham pada akhir abad ke-18. *Panopticon* ini dibina adalah untuk membolehkan pengawasan dilakukan secara serentak terhadap semua penghuni oleh pengawal keselamatan yang terletak di tengah menara tersebut. Secara amnya, *panopticon* merujuk kepada sebuah reka bentuk pengawasan tahanan tanpa melihat petugas keselamatan namun tahanan tetap merasa bahawa mereka diawasi.

Pada tahun 1975, Foucault dalam buku bertajuk “*Surveiller et punir: Naissance de la prison*” menyentuh konsep *panopticon* dan mengembangkan konsep tersebut. Foucault menyokong apa yang dibincangkan oleh Bentham yang menyatakan bahawa kekuasaan harus dapat dilihat (*visible*) tetapi tidak dapat dibuktikan (*unverifiable*). Menara *Panopticon* tersebut diibaratkan sebagai simbol kekuasaan (*visible*), manakala tiada pembuktian (*unverifiable*) ialah keadaan di mana para penghuni tidak mengetahui bila mereka diawasi tetapi mereka merasa bahawa sentiasa di bawah pengawasan. Konsep *panopticon* dilihat sebagai satu gambaran yang digunakan untuk menganalisis hubungan kekuasaan dan pemerintahan dalam pelbagai aspek masyarakat. Konsep pengawasan melalui *panopticon* merupakan satu fenomena yang tetap tersembunyi dan tidak dapat diatasi kerana sudah sebatih dan tertanam dalam jaringan masyarakat. Pengawasan berlaku di mana sahaja dalam lingkungan masyarakat. Menurut Foucault, setiap orang mempunyai potensi untuk berada dibawah pengawasan. Sebagai contoh, kamera litar tertutup (*closed-circuit television*, CCTV) merupakan salah satu bentuk pengawasan yang wujud dalam masyarakat.

Konsep ini banyak diguna pakai untuk sistem pengawasan dalam sesebuah negara. Pengawasan siber boleh dikaitkan dengan konsep ini kerana dilihat sebagai cara





yang baik dan disiplin untuk mengawasi orang ramai. Sesuai dengan konsep *panopticon*, pengawasan siber berlaku tanpa dibuktikan (*unverifiable*) dan di mana kerajaan mempunyai kekuasaan yang boleh dilihat (*visible*). Tidak semua masyarakat sedar bahawa mereka sedang diawasi dalam alam siber. Namun, terdapat juga masyarakat yang mengetahui bahawa mereka diawasi tetapi tanpa mengetahui bila (masa) dan bagaimana (kaedah). Pengawasan bukan hanya melibatkan 'pemerhatian terhadap orang lain, tapi ia juga merangkumi segalanya daripada pemantauan elektronik, pemerhatian visual melalui CCTV, pengecaman wajah, data biometrik dan sebagainya. Konsep *panopticon* yang dapat mengawasi semua penghuni dalam masa yang sama juga dilihat sama dengan kekuasaan kerajaan yang melakukan pengawasan siber. Pengawasan siber juga merujuk kepada pengumpulan dan analisis sesuatu informasi atau data di internet bagi mencegah risiko tertentu dan mengorientasikan tingkah laku manusia. Apabila terjadi sesuatu isu atau masalah, individu tersebut akan lebih mudah untuk dikenal pasti (Encyclopedic Dictionary of Public Administration, 2008). Definisi pengawasan siber dalam kajian ini adalah sistem elektronik untuk mengawasi aktiviti masyarakat dalam talian, objek atau proses yang dikendalikan dari dan dalam internet seperti gambar dan *posting* di media siber.

1.7.5 Penapisan Siber

Menurut *The Columbia Encyclopedia* Edisi keenam (2001), penapisan ialah satu bentuk larangan atau sekatan yang dilakukan secara rasmi untuk mengatasi apa jua perkara yang boleh mengancam politik, ekonomi, sosial atau moral dalam negara. Penapisan dikenakan oleh pihak berkuasa seperti kerajaan yang memerintah. Penapisan boleh





dilakukan kepada penerbitan buku, majalah, surat khabar, laman web, media siber, televisyen dan pelbagai lagi. Penapisan dalam siber yang dilakukan kebiasaanya pada perkara yang negatif seperti pornografi dan keganasan. Penapisan siber yang melibatkan media telah berlaku sejak sekian lama. Menurut Aceto & Pescapè (2015), penapisan siber sebagai usaha terancang untuk merosakkan atau menyekat akses kepada laman sesawang atau kandungan tertentu yang mendatangkan keburukan. Perkara ini dilakukan untuk melindungi keselamatan negara, menjaga ketenteraman sosial dan melindungi keluarga serta individu. Sebaliknya, menurut Shukla & Moosavi (2013), penapisan internet membawa maksud kawalan atau tindakan dilakukan menyekat sesuatu yang boleh dinilai, dilihat dan diterbitkan di internet yang sebahagian besarnya oleh kerajaan dan boleh juga dilakukan oleh organisasi swasta atau individu tertentu atas alasan moral, keagamaan dan kerja. Penapisan internet dilakukan untuk tujuan tertentu bagi mencegah berlakunya sesuatu yang buruk terhadap kerajaan atau rakyat. Penapisan siber dalam kajian ini ialah sekatan yang dibuat terhadap laman sesawang atau kandungan tertentu yang dianggap boleh mengancam keselamatan individu dan negara.

1.7.6 Keselamatan Siber

Keselamatan Siber ialah konsep yang luas merangkumi amalan, teknologi dan langkah yang direka untuk melindungi sistem komputer, rangkaian, peranti dan data daripada capaian, penyalahgunaan, kerosakan atau gangguan yang tidak dibenarkan atau haram. Ia melibatkan pencegahan, pengesanan dan tindak balas terhadap ancaman siber untuk memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat dan sistem. Berikut





merupakan beberapa konsep utama dalam keselamatan siber: Pertama, kerahsiaan iaitu jaminan bahawa maklumat dirahsiakan dan hanya diakses oleh individu yang diberi kuasa. Kedua ialah penyulitan menerusi kawalan akses dan protokol komunikasi selamat digunakan untuk melindungi data sensitif daripada pendedahan yang tidak dibenarkan. Ketiga, integriti bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data dan sistem. Langkah-langkah seperti pengesahan data, jumlah semak dan tandatangan digital dilaksanakan untuk mengesan dan mencegah pengubahsuaian atau gangguan yang tidak dibenarkan. Selain itu, elemen ketersediaan juga penting bagi memastikan sistem dan data boleh diakses dan boleh digunakan apabila diperlukan. Lebihan, sistem toleransi kesalahan dan pelan pemulihan bencana digunakan untuk meminimumkan masa henti dan memastikan operasi berterusan. Kelima, pengesahan diperlukan bagi mengesahkan identiti pengguna, peranti atau sistem. Kaedah pengesahan yang kuat, seperti kata laluan, biometrik, dan pengesahan dua faktor digunakan untuk menghalang akses tanpa kebenaran. Melalui pengesahan, ia memberi keistimewaan akses yang sesuai kepada individu atau sistem yang diberi kuasa. Kawalan akses berasaskan peranan dan tetapan kebenaran digunakan untuk menguatkuasakan keistimewaan yang paling sedikit, memastikan pengguna hanya mempunyai hak akses yang diperlukan untuk peranan mereka.

Ketujuh, penilaian risiko juga dibuat bagi menilai potensi risiko dan kelemahan untuk menentukan kemungkinan dan kesan ancaman siber. Penilaian risiko membantu mengenal pasti jurang keselamatan dan membimbing pelaksanaan kawalan keselamatan yang sesuai. Kelapan, pengesanan dan pencegahan ancaman dilaksanakan menggunakan teknologi seperti sistem pengesanan pencerobohan (IDS), tembok api, perisian antivirus dan analisis tingkah laku untuk mengenal pasti dan menyekat aktiviti





berniat jahat atau tingkah laku mencurigakan dalam masa nyata. Respons Insiden: Mewujudkan prosedur dan rancangan untuk mengendalikan insiden keselamatan siber dengan berkesan. Pasukan tindak balas insiden dilatih untuk mengesan, bertindak balas dan mengurangkan kesan pelanggaran keselamatan atau serangan siber dengan segera. Konsep seterusnya adalah berkaitan dengan kesedaran dan latihan keselamatan bagi mendidik pengguna tentang amalan terbaik keselamatan siber, potensi ancaman dan tingkah laku dalam talian yang selamat. Latihan tetap membantu pengguna memahami peranan mereka dalam mengekalkan keselamatan dan membantu mengurangkan risiko yang berkaitan dengan kejuruteraan sosial dan serangan pancingan data. Konsep lain yang ditekankan juga dalam keselamatan siber ialah konsep tadbir urus keselamatan bagi mewujudkan dasar, piawaian dan prosedur untuk mengawal pendekatan keseluruhan organisasi terhadap keselamatan siber. Ini termasuk memberikan tanggungjawab, menjalankan audit dan memastikan pematuhan dengan peraturan dan rangka kerja yang berkenaan.

Jika dilihat, konsep keselamatan siber ialah proses berterusan yang memerlukan gabungan penyelesaian teknikal, kesedaran pengguna dan komitmen organisasi untuk menangani cabaran atau ancaman yang semakin berkembang. Oleh itu, setiap negara perlu peka dengan ancaman keselamatan siber terkini, menerima pakai amalan terbaik industri dan sentiasa mengemas kini langkah keselamatan untuk melindungi masyarakat daripada ancaman yang muncul.



1.8 Organisasi bab

Kajian ini telah dibahagikan kepada enam bab oleh penyelidik. Bab pertama dalam tesis ini ialah membincangkan mengenai pendahuluan bab. Dalam pengenalan kajian, penyelidik memberikan gambaran awal berkaitan dengan tajuk yang hendak dikaji dan menerangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian persoalan kajian, objektif, skop kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional.

Bab dua merupakan sorotan kajian yang akan membincangkan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian lepas yang dipilih adalah bersesuaian dengan kajian ini iaitu berkaitan dengan tingkah belia Malaysia terhadap pengawasan dan penapisan siber kerajaan. Sorotan kajian dibahagikan kepada tiga tema iaitu pengawasan dan penapisan siber di negara demokrasi liberal, pengawasan dan penapisan siber di negara bukan demokrasi liberal dan juga pengawasan dan penapisan siber di Malaysia. Bab 2 juga mengandungi teori dan kerangka kajian yang digunakan dalam kajian ini.

Seterusnya ialah bab tiga iaitu metodologi kajian. Bab ini akan menerangkan dengan lebih lanjut mengenai metodologi kajian yang digunakan untuk menjalankan kajian ini. Antara aspek yang akan dibincangkan ialah reka bentuk kajian, persampelan, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Bab ini akan menjelaskan bagaimana data-data yang akan diperolehi dan dianalisis bagi mencapai objektif kajian.



Bab empat pula adalah membincangkan dapatan data kuantitatif yang dianalisis menggunakan SPSS. Dalam bab ini, penyelidik akan melakukan analisis data untuk mencapai objektif dalam kajian ini. Seterusnya bagi bab lima iaitu dapatan data kualitatif iaitu menerusi data temu bual. Akhir sekali adalah bab enam yang merupakan bab yang membincangkan analisis, perbincangan dan rumusan secara keseluruhan kajian ini.

